

BAB 2

KONSEP AKAD BBA DALAM ISLAM

2.1. PENDAHULUAN

Kontrak merupakan suatu perkara yang cukup penting dalam kehidupan manusia. Seseorang manusia tidak akan dapat memiliki semua yang dikehendakinya kerana sebahagian daripada benda itu berada di tangan orang lain. Bagi memilikinya secara sah, ia memerlukan kewujudan imbalan kontrak. Kontrak atau perjanjian merupakan satu kaedah mewujudkan tanggungjawab ke atas seseorang serta mewujudkan hukum yang mempunyai ikatan di sisi undang-undang.¹ Ia menjadi sebab bertukarnya pemilikan dari seseorang kepada seseorang yang lain.

Pada zaman awal tamadun manusia ikatan kontrak telahpun berlaku dalam urusan kehidupan mereka. Walau bagaimanapun kontrak yang berlaku ketika itu berbentuk tidak formal dan 'simple'. Dalam bidang muamalah misalnya, kontrak yang berlaku ketika itu hanyalah melibatkan pertukaran barang-barang melalui kaedah sistem barter. Berdasarkan sistem ini ikatan kontrak didapati wujud melalui persetujuan atau kerelaan kedua-dua belah pihak untuk melakukan pertukaran barangan tersebut.

Perubahan zaman dan perkembangan yang berlaku dalam kehidupan manusia seterusnya menyebabkan bentuk kontrak juga turut berubah. Kemajuan dalam bidang muamalah sehingga melibatkan transaksi jutaan ringgit dalam sesuatu masa

menyebabkan ikatan kontrak dilakukan dalam bentuk yang lebih sistematik dan tersusun. Perkembangan ini turut mendorong kewujudan undang-undang kontrak bagi menjamin hak dan keadilan pihak-pihak yang berkontrak.

Sebagai sebuah agama yang lengkap dan sempurna, Islam turut mempunyai undang-undang kontrak yang tersendiri. Undang-undang kontrak Islam ini didasari melalui sumber perundangan yang empat iaitu al-Quran², al-Sunnah, Ijma dan Qias yang bertujuan mengatur perhubungan sesama manusia secara adil dan saksama.³ Melalui asas inilah dibina pula akad-akad muamalah yang sesuai dengan kehendak Islam seperti akad BBA.

Justeru itu, melalui bab ini penulis akan menghuraikan konsep akad BBA menurut perspektif undang-undang kontrak Islam. Perbincangan dan huraian mengenainya adalah penting sebelum diteruskan perbincangan berkenaan akad BBA di Bank Rakyat pada bab yang seterusnya.

2.2. PENGERTIAN BBA

Al-bay' merupakan perkataan Arab yang bermakna pertukaran sesuatu barang dengan barang yang lain.⁴ Dari segi istilah fiqh pula, *al-bay'* bermaksud pertukaran antara dua barang atau pemberian dan penerimaan yang membawa kepada pemilikan⁵ *Al-thaman* pula bermaksud harga atau satu nilai yang menjadi pertukaran bagi mendapatkan barangan yang dibeli samada ia berbentuk wang atau barangan.⁶

Manakala *Ājil* menurut istilah fiqh menunjukkan penangguhan masa bayaran terhadap sesuatu barang yang dibeli dalam tempoh tertentu.⁷

Di dalam fiqh Islam, BBA merupakan suatu akad jualan secara harga tangguh atau jualan yang dibayar secara ansuran. Sistem jualan harga tangguh ini melibatkan jual beli barang antara pembiaya atau pemilik modal dengan pembeli. Jual beli ini dilakukan dengan pihak pembiaya menyegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan menangguhkan pembayarannya sehingga ke suatu masa yang ditetapkan dengan bayaran dibuat secara ansuran (*al-taqṣīṭ*)⁸ atau boleh juga dibuat secara *lumpsum*.

Pelaksanaan akad jualan ini dimulakan dengan pihak pembiaya akan membeli barang yang dikehendaki oleh pihak yang memerlukan barang tersebut. Pembiaya akan menjual semula harta tersebut kepada pihak yang memerlukan barang tersebut dengan harga pokok dan keuntungan. Dengan kata lain harga asal harta tersebut akan dicampur dengan keuntungan yang diperolehi oleh pembiaya.⁹ Pelanggan tersebut dikehendaki membayar harta tersebut secara ansuran mengikut jangka masa dan kadar yang telah dipersetujui bersama.¹⁰ Ini bermakna selepas akad dilafazkan harga tersebut tidak boleh diubah-ubah lagi.¹¹

BBA dikenali juga sebagai *bayʿ al-ājal* atau *al-mūʾajjal* iaitu satu konsep urusniaga jual beli di mana penyerahan barang dibuat di majlis akad dan bayaran harga barang tersebut ditangguhkan kepada suatu masa yang ditentukan. Penggunaan istilah yang pelbagai ini bukanlah membawa perbezaan dari segi pengertian konsep

BBA itu sendiri. Sebaliknya perbezaan ini hanyalah berpunca dari segi sebutan yang pelbagai berdasarkan sebutan negara-negara yang berlainan. Contohnya prinsip *bay' al-mū'ajjal* digunapakai di Bank Islam Bangladesh Limited, sedangkan di Malaysia prinsip ini dikenali sebagai *bay' bi thaman ājil* (BBA).¹²

Akad BBA berbeza dari akad jual *salam*. Ini kerana dalam akad jual *salam* pembiayaan terhadap harta dilakukan secara tunai, manakala penyerahan barang dibuat secara tangguh.¹³ Dalam erti kata lain penangguhan di dalam jual *salam* dilakukan terhadap barangan yang menjadi subjek akad tersebut, sebaliknya penangguhan di dalam BBA pula dilakukan terhadap harga atau balasan.

Dalam perbincangan ini pula, akad BBA merujuk kepada suatu perjanjian di mana Bank Rakyat akan membeli barang yang diperlukan oleh pelanggan yang memerlukan bantuan pembiayaan bagi membeli sesuatu harta. Bank kemudiannya akan menjual barangan tersebut pada suatu tingkat harga yang dipersetujui berdasarkan harga pokok dan keuntungan pihak bank. Barangan jualan mestilah diberikan kepada pembeli selepas kontrak itu dipersetujui.¹⁴ Manakala pembayaran terhadap pembiayaan tersebut akan dijelaskan oleh pelanggan dalam suatu tempoh yang dipersetujui bersama secara ansuran.¹⁵

2.3. HUKUM DAN DALIL

BBA merupakan suatu jenis akad pembiayaan yang sah dan dibenarkan oleh Syarak. Ini kerana akad BBA merupakan salah satu kaedah jual beli yang sama

seperti jual beli biasa yang dihalalkan oleh Allah S.W.T. Walaupun terdapat perbezaan dari segi pembayarannya yang lebih tinggi daripada harga jualan dan penyerahan yang dilakukan secara tangguh, namun Islam mengharuskannya kerana ia berbeza dengan jual beli secara riba yang diharamkan oleh Allah S.W.T.

Pada asasnya hukum akad BBA merujuk kepada dalil-dalil seperti al-Quran, Hadis dan Ijma seperti berikut:

2.3.1. Al-Quran

Secara umumnya penggunaan perkataan BBA tidak didapati sama sekali di dalam al-Quran. Sebaliknya keharusan BBA hanya didasarkan kepada keumuman ayat-ayat al-Quran yang menyentuh tentang muamalat sepertimana ayat 275 dalam surah al-Baqarah yang bermaksud: “Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”.

Dalam ayat ini, Allah S.W.T. mengharuskan jual beli tetapi mengharamkan urusniaga yang mempunyai amalan riba.¹⁶ Para pentafsir seperti al-Qurtubi lebih banyak membincangkan masalah riba dalam ayat ini.¹⁷ Justeru itu bolehlah difahami bahawa penggunaan dalil yang umum ini dibolehkan dalam semua urusan jual beli selagi mana tidak mengandungi unsur-unsur riba yang ditegah oleh Syarak. Ini bermakna urusniaga BBA juga diharuskan kerana akad BBA juga merupakan konsep jual beli yang dilaksanakan menurut hukum Syarak berdasarkan rukun dan syarat jual beli yang terdapat di dalam sistem muamalat Islam.

Begitu juga dalam surah al-Nisā ayat 29, Allah S.W.T. menghalalkan keuntungan yang diperolehi melalui jual beli yang halal. Jual beli yang halal dan sah ini boleh dicapai dengan jalan saling redha meredhai tanpa mempunyai unsur-unsur penipuan dan penindasan sehingga mendatangkan ketidakadilan dan kerugian pada sebelah pihak yang melakukan jual beli tersebut.¹⁸ Sebaliknya jual beli tidak mungkin terjadi jika hanya pembeli yang berkeinginan untuk membeli sesuatu sedangkan penjual tidak mempunyai keinginan untuk menjualnya.

Oleh kerana itu BBA diharuskan kerana pelaksanaannya dijalankan berdasarkan konsep jual beli yang dihalalkan oleh Allah S.W.T di samping pulangan yang diperolehi adalah dalam bentuk keuntungan. Tambahan pula penentuan harga barang dan tempoh penangguhan di dalam urusan BBA ditentukan berdasarkan persetujuan atau saling redha meredhai di antara kedua-dua belah pihak.

Seterusnya berdasarkan ayat 198 dalam surah al-Baqarah pula, Allah S.W.T. tidak menghalang hambanya memperolehi keuntungan daripada hasil pemiagaan yang dilakukannya. Walau bagaimanapun keuntungan yang diperolehi mestilah datang daripada hasil jual beli yang diharuskan menurut lunas-lunas Islam.

Dalam surah al-Baqarah ayat 282, Allah S.W.T. turut memerintahkan supaya setiap jual beli yang dilakukan secara tunai hendaklah dilakukan dengan mempunyai saksi. Manakala jual beli yang dibuat secara berhutang pula hendaklah dilakukan secara bertulis. Arahan mendatangkan saksi dan menulis jumlah hutang ini ialah bagi mengelakkan berlakunya sesuatu yang tidak diingini pada masa hadapan. Keharusan

urusniaga secara hutang dalam ayat ini bersesuaian dengan konsep akad BBA kerana penangguhan bayaran harga jualan juga turut menimbulkan hutang. Tambahan pula seseorang yang mengambil pembiayaan BBA ini bukan sahaja perlu menulis, malahan terdapat surat perjanjian yang perlu ditandatangani.

Oleh itu berdasarkan firman Allah S.W.T di atas, jelaslah menunjukkan akad BBA ini adalah sah dan diharuskan oleh Syarak. Walaupun tidak terdapat nas yang jelas tentang keharusannya, namun BBA diharuskan kerana konsep pelaksanaannya berasaskan jual beli biasa. Tambahan pula tidak terdapat dalil-dalil yang khusus tentang pengharaman urusanniaga secara BBA ini. Sekalipun keuntungan yang diambil itu lebih tinggi daripada harga asal harta tersebut, ia tetap diharuskan selagi mana urusannya itu dilakukan selari dengan akad muamalah dan tidak bertentangan dengan prinsip serta amalan yang telah ditetapkan oleh Islam.

2.3.2. Hadis Rasulullah S.A.W.

Dalam hadith Rasulullah S.A.W. pula, terdapat hadith yang menunjukkan bahawa jual beli secara BBA pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. sendiri. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada °Āisyah r.a. yang bermaksud "Sesungguhnya Nabi S.A.W. telah membeli makanan daripada seseorang Yahudi dengan menanggukkan bayaran kepada tempoh yang tertentu dan mencagarkan baju besinya sebagai jaminan".¹⁹ Sementara itu seorang sahabat iaitu Mūsā bin Maysarah pernah mendengar seorang lelaki bertanya kepada Sa'īd bin al-Musayyab yang ingin menjual secara hutang dengan katanya "Sesungguhnya aku ingin menjual dengan

hutang” lalu Sa[‘]id bin al-Musayyab menjawab, “Jangan kamu jual, kecuali apa yang telah kamu peroleh”.²⁰

Walaupun yang diriwayatkan ini daripada sumber Sahabat, namun jualan dengan bayaran tangguh itu hanya diharuskan ke atas harta yang diperolehi oleh penjual dan menjadi harta miliknya yang sah.²¹

2.3.3. Ijma Ulama

Ulama fiqh telah sepakat mengharuskan jual beli barangan dengan bayaran tangguh. Antaranya Imam Syāfi[‘]i menjelaskan:

*“Tidak mengapa dengan seorang lelaki menjual barang dengan bayaran tangguh dan membeli semula dari pembeli itu dengan bayaran tunai yang lebih rendah”.*²²

Jualan BBA ini dihalalkan pada barang yang tidak mengandungi unsur-unsur riba, penipuan, *gharar* dan sebagainya. Ulama sependapat diharuskan jual beli secara BBA di dalam satu majlis yang ditetapkan tempoh penyerahan harga tersebut dengan syarat kedua-dua pihak perlu mengetahui tempoh itu. Sebaliknya jual beli secara BBA ini tidak sah sekiranya penangguhan harga yang dilakukan itu tidak ditetapkan tempohnya secara jelas di dalam majlis akad tersebut.²³

Imam Malik juga mengharuskan jual beli dengan bayaran tangguh, bahkan katanya:

*“Sesungguhnya membeli barang dari orang lain dengan janji dia akan membayar harga barang tersebut pada tempoh masa yang tertentu, tiba-tiba si penjual tidak bersetuju dengan tempoh tersebut, lalu pembeli ingin mengembalikan barang itu kepada penjual itu semula. Maka si pembeli tidak salah, sebaliknya penjual hendaklah menerimanya. Tetapi sekiranya penjual datang menyerahkan semula barang tersebut kepada pembeli sebelum habis tempoh. Maka pembeli harus mengambilnya”.*²⁴

Ibn Qudāmah daripada mazhab Ḥanbalī menjelaskan bahawa “Sesiapa yang menjual barang dengan harga tangguh, kemudian membelinya semula dengan harga yang lebih rendah dengan bayaran tunai, tidak harus mengikut pendapat ramai ulama”. Begitu juga riwayat daripada Ibn ʿAbbās, ʿĀisyah, al-Hasan, Ibn Sirīn, al-Syaʿbi dan al-Nakhaʿi kecuali Abū Ziyad, Rabiʿah, ʿAbd al-ʿAzīz bin Abī Salmah, al-Thawri, al-Awzaʿi, Imam Mālik, Ishāq dan Imam Ḥanbalī, mereka semua mengharuskan jualan seperti di atas.²⁵

Dalam hal ini sekiranya membeli barang dengan harga yang lebih rendah daripada harga jualan adalah dilarang, maka menjual barang dengan harga tangguh berdasarkan harga yang sama atau lebih tinggi adalah dibolehkan kerana perbuatan itu tidak dilarang.

Bagi Imam Abū Ḥanīfah pula, sesiapa yang menjual sesuatu barangan dengan harga tunai dan kemudian menangguhkan bayarannya dalam tempoh yang ditetapkan, maka hukumnya adalah sah dan dicatatkan sebagai hutang. Sebaliknya jika ia menangguhkannya kepada satu tempoh yang tidak diketahui langsung maka jualan tangguh itu tidak sah.²⁶

Menurut Ibn al-Qayyim pula, riba, penipuan atau *gharar* tidak berlaku kepada mana-mana pihak yang menjual sesuatu barangan dengan harga 100 dinar bagi bayaran yang dibuat secara ansuran dan 50 dinar bagi pembayaran secara tunai. Malahan jual beli sebegini memberi ruang kepada pembeli untuk memilih samada ingin meneruskan atau memulangkan balik barang tersebut.²⁷

Justeru itu berdasarkan dalil-dalil di atas maka jelaslah kepada kita urusniaga BBA diharuskan sekiranya tidak terdapat unsur-unsur riba, perjudian, penipuan atau sesuatu yang tersembunyi sehingga boleh mencacatkan akad tersebut. Manakala bagi Imam Syāfi'ī pula, semua jual beli adalah diharuskan jika kedua-dua belah pihak saling redha-meredhai.²⁸ Kebanyakan fuqaha menerima keharusan BBA ini berdasarkan keumuman ayat-ayat al-Quran yang mengharuskan akad jual beli kecuali terdapat dalil lain yang lebih khusus bagi pengharamannya.²⁹ Kewujudan akad ini boleh dianggap sebagai salah satu keperluan dan kemaslahatan umat pada zaman ini.

2.4. RUKUN BBA

BBA merupakan salah satu kaedah pembiayaan yang terdapat dalam sistem muamalah Islam. Oleh kerana itu rukun BBA juga adalah sama dengan rukun jual beli yang terdapat dalam hukum fiqh Islam. Ketiadaan pada satu atau lebih daripada ciri-ciri ini akan menyebabkan sesuatu kontrak itu batal (*void*).³⁰ Terdapat tiga rukun dalam akad BBA iaitu dua pihak yang berakad (penjual dan pembeli), barang-barang yang diakadkan (harta jualan dan harga bayaran) dan *ṣighah* akad (*ijāb* dan *qabūl*). Rukun-rukun ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di bawah.

2.4.1. Dua pihak yang berakad

Rukun pertama dalam urusan BBA ini ialah jual beli itu mestilah melibatkan dua pihak iaitu penjual dan pembeli. Dalam akad BBA di Malaysia penjual selalunya terdiri daripada pihak pembiaya atau Bank, manakala pembeli terdiri daripada pelanggan bank tersebut. Melalui akad BBA ini, pembiaya akan membelikan harta yang dikehendaki oleh pelanggan daripada pihak pemaju atau pembekal. Kemudian pihak pembiaya akan menjual semula harta tersebut kepada pelanggan dengan harga yang lebih tinggi daripada harga asalnya. Pelanggan kemudian akan membeli harta tersebut dengan bayaran yang dibuat secara bertangguh.³¹

Dalam Syariat Islam bukan semua orang layak untuk melakukan akad. Bagi memastikan akad BBA ini dijalankan selaras dengan Syarak, maka kedua-dua belah pihak perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam undang-undang kontrak Islam. Syarat-syarat ini adalah sama dengan syarat yang perlu ada dalam amalan jual beli biasa dan lebih dikenali dalam muamalah Islam sebagai *Syarat Ahliyyah al-ʿAqd* atau keupayaan membuat kontrak.³²

Islam menetapkan seseorang penjual atau pembeli mestilah telah mencapai umur baligh.³³ Syarat ini penting kerana transaksi dalam pembiayaan BBA biasanya melibatkan harta yang bernilai. Seseorang yang sudah mencapai umur baligh dianggap sudah cukup berakal dan cerdas. Dengan sifat-sifat ini kedua-dua belah pihak mempunyai pertimbangan yang waras dan bijak ketika melakukan akad ini.

Selain itu orang gila, bodoh (*safih*), kanak-kanak yang belum berakal dan orang yang disekat (*mahjūr ‘alayh*) daripada menjalankan urusanniaga oleh pihak berkuasa seperti orang muflis tidak layak untuk menjalankan urusanniaga BBA. Ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. yang berbunyi:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ
قِيَمًا

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan”.

(al-Nisā 4:5)

Bagi kanak-kanak pula, fuqaha menetapkan sekurang-kurangnya mestilah seseorang yang mumayyiz. Dalam kata lain tidak sah akad jika kanak-kanak tersebut belum mumayyiz. Walau bagaimanapun dalam mazhab Syāfi^ci, kanak-kanak yang mumayyiz tidak sah untuk melakukan akad kecuali dengan izin walinya. Menurut Imam Syāfi^ci terdapat empat kategori orang yang tidak sah untuk berakad iaitu kanak-kanak sekalipun sudah mumayyiz, orang gila, hamba sekalipun sudah mukallaf dan orang buta.³⁴

Menurut mazhab Ḥanbalī pula, akad kanak-kanak sekalipun yang belum mumayyiz adalah sah. Walau bagaimanapun ia hanyalah terhad bagi barang atau harta yang mempunyai nilai yang kecil serta sedikit. Dalam erti kata lain tidak sah

akad bagi seseorang kanak-kanak yang belum mumayyiz jika harta tersebut melibatkan harta yang besar jumlah dan nilainya sekalipun mendapat keizinan walinya.³⁵

Dalam mazhab Mālikī pula, akad yang dilakukan oleh kanak-kanak yang sudah mumayyiz adalah sah. Walau bagaimanapun orang gila, hilang akal dan mabuk tidak sah akadnya. Begitu juga ulama mazhab ini menetapkan bahawa penjual dan pembeli itu mestilah terdiri daripada orang-orang yang mukallaf, cerdas, tidak ada unsur-unsur paksaan untuk melakukan akad serta harta yang diakadkan itu bebas daripada hak pemilikan orang lain.³⁶

Bagi mazhab Ḥanafī pula, akad yang dilakukan oleh kanak-kanak yang mumayyiz adalah sah dengan syarat ia mengetahui urusan niaga jual beli tersebut.³⁷ Selain itu disyaratkan juga seseorang itu hendaklah mempunyai hak pemilikan pada Syarak atau hak sebagai wakil, *wāṣī* atau kerabat.

Syarat yang seterusnya ialah hendaklah akad yang dilakukan itu berdasarkan persetujuan kedua belah pihak. Kontrak yang dilakukan secara paksa adalah tidak sah dan tidak menghasilkan pemindahan hak milik kedua belah pihak. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

Maksudnya:

"Kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan cara suka sama suka di antara kamu"

(al-Nisā 4:29)

Persetujuan di antara pihak penjual dan pembeli ini boleh didapati dengan kerelaan di antara kedua-dua belah pihak . Ahli-ahli fiqh Islam mengenali keperluan ini sebagai *ikhtiyār* iaitu kedua-dua belah pihak membuat persetujuan secara pilihan sukarela.³⁸ Dalam hal ini kerelaan merupakan asas utama kontrak. Ia boleh memberi kesan terhadap sah atau batalnya akad yang dilakukan.³⁹ Sekiranya terdapat unsur-unsur paksaan, penipuan atau eksploitasi, maka kerelaan yang diberi boleh dianggap sebagai kerelaan yang sah.⁴⁰ Kewujudan elemen-elemen ini akan mencatitkan kerelaan tersebut sehingga menyebabkan ikatan kontrak tersebut boleh menjadi batal atau boleh batal bergantung kepada sejauhmana kecacatan tersebut.⁴¹

Oleh itu, berdasarkan daripada huraian di atas bolehlah disimpulkan bahawa dalam pembiayaan BBA disyaratkan seseorang itu mestilah baligh, berakal dan cerdik. Begitu juga akad yang dilakukan itu juga hendaklah bebas daripada unsur paksaan dan tidak ada halangan yang boleh menyebabkan berlakunya kecacatan kepada akad seperti bodoh, muflis atau sakit kuat yang boleh membawa maut. Orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan untuk membuat kontrak tidak dibenarkan sama sekali melakukan kontrak kerana dikhuatiri kerelaan yang diberi bukan merupakan kerelaan yang sah. Keadaan ini sudah tentu akan memudaratkan kepentingan pihak pembiaya sendiri pada masa akan datang.

2.4.2. Rukun Kedua: Barang-barang yang diakadkan (harta jualan dan harga bayaran)

Harta jualan merupakan barang yang dijual oleh pembiaya kepada pelanggan semasa akad dilakukan. Manakala harga bayaran pula merupakan harga barang yang perlu dibayar oleh pelanggan. Di dalam fiqh Islam, rukun kedua ini dikenali dengan istilah *ma'qūd 'alayh* iaitu perkara yang dikontrakkan ke atasnya. Bagi undang-undang sivil di negara-negara Islam moden, istilah ini dikenali dengan *Mahall*.⁴² Kedua-dua perkara ini membawa maksud benda atau perkara yang dikontrakkan yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkontrak.⁴³ Ia merupakan perkara penting yang perlu disebutkan dan diketahui oleh pihak yang berurusan di dalam majlis akad. Barang dan harta ini pula disyaratkan seperti berikut:

(1) Suci

Barang yang dijual dan harga yang dibayar oleh kedua-dua belah pihak hendaklah suci dari segi hukum Syarak iaitu suci daripada zat dan halal pada hukumnya. Ini bermakna barangan atau harta yang najis seperti anjing, babi, arak atau barang yang terkena najis yang tidak boleh hilang, tidak boleh digunakan untuk berurusan.⁴⁴

Sabda Rasulullah S.A.W. maksudnya:

"Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan jual babi, arak, bangkai, khinzir dan patung berhala".⁴⁵

Berdasarkan ayat ini, Syarak tidak mengiktiraf jual beli barangan yang najis seperti arak, bangkai dan khinzir kerana ia tidak bermanfaat dan tidak dianggap sebagai harta dalam Islam. Justeru itu, sekiranya perkara ini dijadikan sebagai subjek akad, ia boleh menyebabkan akad tersebut tidak sah serta tidak akan mendatangkan kesan dari segi hukum kepada mana-mana pihak.⁴⁶

Muamalat Islam turut mengambil kira manfaat barang yang digunakan dalam jual beli. Barang dan harga tersebut mestilah terdiri daripada barang dan harga yang benar-benar bermanfaat mengikut hukum Syarak. Dalam hal ini barangan yang tidak diharuskan oleh Syarak seperti alat muzik tidak sah untuk diadakan walaupun ia bermanfaat. Sebaliknya binatang yang haram dimakan seperti keldai boleh dijadikan barangan akad kerana manfaatnya diharuskan oleh Syarak.⁴⁷

(2) Milik pembiaya /penjual

Barang yang dijual hendaklah menjadi milik penjual ketika akad itu dilakukan. Barang yang tidak dimiliki oleh pembiaya secara sah menurut hukum Syarak, tidak sah dijadikan barang akad.⁴⁸ Contohnya barang yang diperolehi secara tipu serta harta pusaka yang belum diagihkan mengikut hukum faraid.

(3) Boleh diserahkan milik

Barang yang dijual mestilah barangan yang boleh diserahkan kepada pembeli apabila akad dilakukan. Jual beli yang tidak dapat menyerahkan barang kepada

pembeli dianggap sebagai suatu transaksi yang tidak sah.⁴⁹ Sebahagian besar daripada fuqaha' berpendapat,⁵⁰ sekiranya benda yang hendak dikontrakkan itu berbentuk barangan (*material*), maka syarat ini diwajibkan dalam semua akad kecuali akad jual *Salam*. Ini bermakna sesuatu yang tidak ada pada majlis akad tidak boleh dijadikan subjek akad kerana akad yang dibuat akan memberi kesan hukum terhadap benda yang dijadikan subjek akad itu.

Manakala sebahagian fuqaha yang lain seperti fuqaha mazhab Māliki berpendapat, sesuatu yang tidak ada pada waktu akad dilakukan boleh dijadikan subjek akad dengan syarat benda itu berkemungkinan ada dan akad yang dilakukan itu berbentuk sukarela seperti hibah, wakaf dan lain-lain.⁵¹ Akad seperti ini tidak akan menimbulkan masalah kepada pihak-pihak yang berkontrak.

Fuqaha' mazhab Hanbalī pula berpendapat⁵² sesuatu yang tidak ada boleh dijadikan subjek akad dengan syarat barang tersebut mampu diadakan selepas akad itu dibuat. Apa yang penting dalam melakukan akad ialah tidak ada *gharar*. Subjek kontrak itu tidak penting samada ada atau tidak pada waktu kontrak itu dilakukan dan ia tidak menjadi suatu syaratpun. Apa yang menjadi larangan Rasulullah S.A.W. di dalam hadis di atas hanyalah terhadap barang yang memang tidak mampu untuk diserahkan bukannya terhadap barang yang belum ada.⁵³

Dalam hal ini tidak sah menjual anak-anak binatang yang masih dalam kandungan ibunya kerana tidak boleh diserahkan milik. Begitu juga burung di udara atau barang yang telah hilang dicuri orang.

(4) Mengetahui barang dan harga yang diakadkan

Pembiaya dan pelanggan mestilah mengetahui dengan jelas butiran akad dari segi kadar, jumlah, sifat barang dan bentuk barang.⁵⁴ Perkara ini penting bagi mengelakkan berlakunya penipuan atau persengketaan di kemudian hari.

Sebagai pembiaya, mereka mestilah mengetahui dengan jelas jumlah bayaran dengan tepat dan bentuk bayaran yang dipersetujui samada tunai atau hutang, jenis dan mata wangnya. Manakala sebagai pembeli pula disyaratkan mengetahui barang dan harta yang diakadkan semasa majlis akad dibuat. Maklumat tentang sesuatu subjek akad itu pula boleh didapati samada dengan melihat sendiri atau meneliti segala keterangan mengenainya. Ini bermakna tanpa mengetahui subjeknya, akad yang dibuat tidak sah.

Selain itu harga atau nilai barang yang dijual juga hendaklah ditentukan dan dinyatakan dalam majlis akad. Dalam kontrak BBA, harga memainkan peranan penting yang perlu diketahui semasa akad dilakukan. Ini kerana penangguhan harga dalam akad ini perlu dinyatakan tempoh, kadar dan kaedah pembayarannya. Permulaan tempoh dikira dari tarikh penyerahan barang yang dijual dan tidak boleh diikat kepada tempoh masa yang tidak tetap.⁵⁵

2.4.3. Rukun ketiga: *ṣīghah* akad *ījāb* dan *qabūl*

Maksud *ṣīghah* akad ialah lafaz perjanjian jual beli yang diucapkan oleh pembiayaan dan pelanggan. Ia bermaksud ikatan tawaran yang keluar daripada salah satu pihak yang berkontrak dengan penerimaan daripada pihak yang satu lagi yang akan memberi kesan ke atas perkara yang dikontrakkan.⁵⁶ Lafaz akad yang disebut oleh pihak pembiayaan (penjual) disebut sebagai *ījāb*, dan lafaz akad yang diucapkan oleh pembeli disebut sebagai *qabūl*. Para fuqaha sependapat menyatakan *ījāb* dan *qabūl* merupakan asas penting bagi membentuk sesuatu akad.⁵⁷

Dalam transaksi BBA ucapan *ījāb* oleh pembiayaan kepada pihak pelanggan seperti “Saya jual rumah ini dengan harga RM 100,000 dengan bayaran tangguh”. Manakala ucapan *qabūl* oleh pelanggan pula seperti “Saya beli rumah ini dengan harga RM 100,000 dengan bayaran secara tangguh.”⁵⁸

Ījāb dan *qabūl* merupakan salah satu elemen yang cukup penting dalam undang-undang kontrak Islam. Jika *ījāb* dan *qabūl* diucapkan oleh orang yang berkeelayakan maka akan berlaku perubahan hukum ke atas barang atau harta yang diakadkan. Dalam kata lain melalui *ījāb* dan *qabūl* ini akan berlakulah perpindahan pemilikan terhadap barang yang diakadkan daripada penjual kepada pembeli. Ia juga menjadi penentu kewujudan kerelaan di dalam sesebuah kontrak.⁵⁹

Ījāb dan *qabūl* menjadi sah dan dapat memberi kesan dalam akad jika menepati syarat-syarat yang berikut:

(1) Mestilah lafaz yang terang

Lafaz *ijāb* dan *qabūl* mestilah diucapkan dengan terang. Terang di sini bermaksud jelas menunjukkan kepada penyerahan hak pemilikan harta oleh penjual kepada pembeli serta persetujuan jumlah yang perlu dibayar oleh pembeli kepada penjual.⁶⁰ Bagi memenuhi syarat ini pihak yang ingin melakukan akad itu mestilah orang yang mempunyai kelayakan untuk melakukannya sepertimana diterangkan di atas. Syarat ini dibuat kerana akad merupakan ikatan dua kehendak. Kehendak dua pihak ini tidak mungkin dapat difahami sekiranya dinyatakan oleh orang yang tidak dapat menjelaskan kehendaknya seperti orang yang tidak waras.

(2) Diucapkan dengan keredhaan kedua-dua belah pihak

Lafaz *ijāb* dan *qabūl* hendaklah diucapkan dengan keredhaan kedua-dua belah pihak. Tidak sah akad yang dilakukan kecuali dengan keredhaan kedua-dua mereka. Ertinya setiap *ijāb* dan *qabūl* yang dibuat hendaklah tiada unsur-unsur paksaan yang boleh menjejaskan akad.

Firman Allah S.W.T:

إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ

Maksudnya:

"Kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan cara suka sama suka di antara kamu".

(al-Nisā 4:29)

Rasulullah S.A.W. telah bersabda maksudnya⁶¹:

"Bahawa sesungguhnya jual beli itu daripada redha-meredhai".

Daripada dalil di atas, al-Quran dan al-Sunnah meletakkan kerelaan sebagai asas utama kontrak yang sah. Undang-undang kontrak Islam memberi perhatian yang berat kepada asas ini dengan meletakkan bahawa tiada sebarang aktiviti komersial dianggap sah melainkan apabila berdasarkan kepada kerelaan.⁶²

(3) *Ṣighah* akad mestilah diucapkan oleh orang yang berakal

Orang yang berakal ialah orang yang cerdik, tidak gila, tidak hilang akal seperti mabuk atau pitam, bukan kanak-kanak yang belum mumayyiz dan bukan orang yang dipaksa.⁶³ Kesemua ini merupakan syarat bagi menentukan keupayaan seseorang untuk melakukan akad. Syarat tersebut penting kerana isi perjanjian mestilah difahami oleh kedua-dua belah pihak. Orang yang bodoh, gila, mabuk dan pitam bukan sahaja tidak dapat memahami isi kandungan perjanjian malah mereka juga tidak mempunyai keupayaan untuk berakad di sisi Syarak. Sekiranya dilakukan juga akad akan menyebabkan berlakunya penipuan dan penganiayaan kepada pihak yang berakad.

(4) Lafaz *qabūl* sama dengan apa yang diucapkan pada *ijāb*⁶⁴

Lafaz *qabūl* yang diucapkan oleh pembeli mestilah sama dengan lafaz *ijāb* yang dibuat oleh penjual (pemiaya). Dalam hal ini sekiranya lafaz *ijāb* bersetuju

untuk menjual rumah dengan harga RM 100,000 dengan bayaran tangguh, maka lafaz *qabūl* juga mestilah sama bersetuju untuk membeli rumah tersebut dengan harga RM 100,000 dengan bayaran tangguh. Sebaliknya tidak sah akad sekiranya butiran *qabūl* bertentangan dengan butiran *ījāb*.

Berdasarkan syarat ini, *ījāb* dan *qabūl* tidak sah jika sekiranya penerimaan tidak sesuai atau bertentangan dengan tawaran seperti A menawarkan rumahnya dengan harga RM 100,000, tetapi B sanggup membeli ladangnya dengan harga RM100,000.

(5) Bersambung *ījāb* dan *qabūl* dalam satu majlis akad

Bagi menjamin akad tersebut sah, fiqh Islam mewajibkan akad jual beli dibuat dalam satu majlis yang dikenali dengan *majlis al-ʿaqd*.⁶⁵ Akad jual beli yang dibuat ini mestilah bersambung antara *ījāb* dan *qabūl* yang dihadiri oleh kedua-dua belah pihak atau diketahui oleh pihak yang tidak dapat hadir dalam satu majlis akad. Sekiranya penjual menarik semula *ījāb*nya sebelum pembeli menerimanya maka akad tersebut menjadi batal.

Menurut jumhur ulama daripada mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī *ṣiḡhah* *ījāb* dan *qabūl* tidak semestinya berjalan serentak. Sebaliknya memadai *ṣiḡhah* *qabūl* itu dibuat dalam satu majlis yang sama sekalipun berlalu tempoh masa yang panjang sehingga ke akhir majlis tersebut. Dalam kata lain sekiranya pihak pertama membuat tawaran kepada pihak kedua dan kedua-duanya berada dalam majlis yang sama, pihak

kedua tidak semestinya membuat penerimaan tersebut selepas beberapa waktu selagi mereka masih berada dalam majlis tersebut.⁶⁶

Manakala bagi mazhab Syāfi'ī pula, syarat pengucapan *qabūl* hendaklah segera dilafazkan selepas sīghah *ijāb*. Sekiranya majlis tersebut dicatatkan dengan perkataan yang tiada kaitan dengan akad maka perjanjian tersebut tidak akan termeterai. Ini bertujuan menjamin kesungguhan pihak penjual dan pembeli untuk melakukan kontrak. Sekiranya dibenarkan penangguhan dan selangan yang panjang di antara penawaran dan penerimaan, sudah tentu wujud keraguan pihak pembeli terhadap pihak penjual. Ini secara tidak langsung menunjukkan kerelaan yang diperolehi itu tidak mutlak atau tulin.⁶⁷

Mengikut pendapat yang *rājih*⁶⁸ maksud majlis yang sama ialah kedua-dua pihak berada pada masa dan tempat yang sama. Sekiranya kedua-dua pihak itu hadir pada masa dan tempat akad itu dilakukan. Tetapi kalau satu pihak lagi tidak hadir, maka majlis untuk melakukan akad atau kontrak antara keduanya dianggap wujud apabila berita tentang kehendak masing-masing sampai ke pihak yang satu lagi samada melalui surat, wakil, telefon dan sebagainya.

Kewujudan *sīghah ijāb* dan *qabūl* ini bolehlah disimpulkan sebagai satu kaedah untuk menunjukkan wujudnya kerelaan di antara pihak-pihak yang berakad. Ini bermakna tanpa *sīghah ijāb* dan *qabūl*, sesuatu kerelaan itu tidak akan dapat digambarkan kerana ianya terletak di dalam hati. Melalui kaedah ini seseorang itu

tidak akan bersetuju melakukan akad, sekiranya pada masa yang sama tidak wujud kerelaan untuk melakukan akad tersebut di dalam hatinya melainkan jika ia dipaksa.

2.5. KESIMPULAN

Berdasarkan huraian terhadap konsep akad BBA di dalam undang-undang kontrak Islam, jelaslah menunjukkan bahawa akad muamalah tersebut diharuskan oleh Syarak. Penetapan syarat akad di dalam BBA ini secara keseluruhannya lebih kurang sama dengan syarat akad yang ditetapkan oleh undang-undang kontrak Islam. Apa yang berbeza hanyalah pada pelaksanaannya di mana unsur penangguhan terhadap bayaran balik pembiayaan perlu disebut ketika akad dilakukan. Sepertimana dalam akad muamalah biasa, ketiadaan satu atau lebih syarat-syarat akad dalam BBA juga akan menyebabkan transaksi tersebut menjadi batal dan tidak berkuatkuasa.

NOTA Hujung

- 1 Subḥi Mahmasānī (1948), *al-Nazariyyāt al-ʿĀmmah li Mājibāt al-ʿAqd*, Beirut, h. 275; Muhammad Yusuf Musa (1952), *al-Amwāl wa Nazariyyāt al-ʿAqd fī al-Fiqh al-Islāmī*, Mesir: Matbaʿah Dār al-Kitāb al-ʿArabī, h. 411; Muḥammad Salam Madkūr (1963), *al-Madkhal Li al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dar al-Wahdah al-ʿArabiyyah, h.507.
- 2 Asas akad dalam Islam adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-Māidah:1 dan surah al-Isrā':34.
- 3 ʿAbd al-Raḥman al-Ṣābūnī (1982), *al-Madkhal al-Fiqh wa al-Tārīkh al-Tasyrīʿ al-Islāmī*, Kaherah: Maktabah Wahdah, h. 54.
- 4 al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyik: Dār al-Fikr, h.344.
- 5 Ibn Qudāmah (1972), *al-Mughnī*, Mesir: Dār al-Wafā' bi al- Mansūrah, Jil. 2, h.560.
- 6 al-Zuhaylī, *op.cit*, h. 401.
- 7 Ibrāhim Anas, *op.cit*, h.7.
- 8 Muḥammad 'Uqlah Ibrāhīm (t.t.), *Hukm Bayʿ al-Taqsīt Fī al-Syarīʿah wa al-Qānūn*, Jordan: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, h. 12-13; Mohd Bakir Haji Mansor (ed.) (1988), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training, h. 44.
- 9 ʿAbd. al-Rahman al-Jazirī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh ʿAlā al-Madhāhib al- Arbāʿah*, Jil.4, Beirut: Ahyā' al-Tūrāth al-Arḍī, h. 272; al-Zuhaylī (1985M/1405H), *op.cit*, Jil. 4, Damascus: Dār al-Fikr, h. 277-278.
- 10 Bank Islam Malaysia Berhad (1981), *Bank Islam: Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur, h. 21-22; Paper of Seminar (Module III: al-Bayʿ bi Thaman ʿAjil) (1994), Kuala Lumpur: BIMB, h. 1; BNM Guidelines On Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) for Comercial Banks (Julai 1993), Kuala Lumpur: BNM, h.4.
- 11 Mohd. Azmi Omar (1991), "Pembiayaan" dalam *Pengurusan Perniagaan Islam*, Sheikh Abod dan Zambyr Abdul Kadir (ed.), Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd., h. 206.
- 12 Bala Shanmugam (1996), *Islamic Banking System-Concept and Application*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 82.
- 13 Mohd Bakir Haji Mansor, *op.cit*,h. 44.
- 14 Muḥammad 'Uqlah Ibrāhīm (1987), *op.cit*.
- 15 Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam: Teori dan Praktikk*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 90.
- 16 Abdul Halim Ismail (1990), "Bank Islam Sebagai Satu Institusi Pembangunan

Ekonomi Masyarakat Islam” dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang: USM, h. 69.

- 17 al-Qurṭubī (1935), *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qurān*, Kaherah: Matba‘ah Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, juz. 3, h.348-353.
- 18 al-Rāzī (t.t.), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, Mesir: Ṭab‘ah ‘Abd al-Rahman Muḥammad, jil.3, h. 78; al-Qurṭubī, *op.cit.*, juz 5, h. 150-153.
- 19 al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad B. al-Mughīrah (m.256/870), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (tr.) Muḥammad Muḥsin Khan, Lahore, (1983), Vol. III, “Kitāb al-Buyū‘”, (No. 282), h. 94.
- 20 Mālik Bin Anas al-Aṣbaḥī (M.179/795) (1983), *al-Muwattā’*, Versi Yaḥyā B. Yaḥyā al-Laythi (ed.), Faruq al-Said, Beirut, “Kitāb al-Buyū‘”, (No. 1380) h. 437.
- 21 Osman Hj. Sabran (2000), *Urusniaga al-Bay’ bi Thaman Ajil Dalam Mekanisme Pemiayaan Tanpa Riba*, Skudai: UTM, h. 7-8.
- 22 al-Syāfi‘ī, Muhammad B. Idrīs (1968), *al-Umm*, Mesir: Dār al-Shu‘b, jil. 2, h. 201.
- 23 al-Nawāwī (t.t.), *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, Kaherah: Maṭba‘ah al-‘Āṣimah, jil. 9, h. 373.
- 24 Mālik B. Anas, *op.cit.*, jil. 2, h.437.
- 25 Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jil. 4, h. 193.
- 26 Ibn Humām, *op.cit.*, jil. 5, h. 272-273; ‘Abd al-Raḥman al-Jazirī, *op.cit.*, jil. 4, h. 272.
- 27 ‘Abd al-Sāmi‘ al-Misri (t.t.), *al-Tijārah fi al-Islām*, Kaherah: Maṭba‘ah Waḥbah, h.84.
- 28 al-Syāfi‘ī (t.t.), *al-Umm*, Kaherah: Dār al-Syu‘b, juz. 3, h.2.
- 29 Ibn Rusyd (t.t.), *al-Muqaddimāt wa Muwahhidāt*, Mesir: al-Sā‘adah, h. 539-540.
- 30 Ahmad Hidayat Buang (Jan. 1994), “Unsur-unsur Utama Pembentukan Kontrak (‘Aqd) Di dalam Undang-undang Islam” dalam *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, jil. 2, Bil.1, h.92.
- 31 Ibn al-Humām, *op.cit.*, jil.7, h.356.
- 32 ‘Alī Khafīf (1941), *Ahkām al-Mu‘āmalāt al-Syar‘iyyah*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 185-198; ‘Abd al-Karim Zaydān (1969), *al-Madkhal li Dirāsāt al-Syar‘iyyah al-Islāmiyyah*, Baghdad: Matba‘ah al-‘Ani, h.312.
- 33 ‘Abd al-Rahman al-Jazirī (1969), *Fiqh ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah*, Mesir: Maktabah Tijāriyyah al-Kubrā, juz. 2, h.12.

- 34 al-Syāfi^ḥ, *op.cit.*, jil. 7, h. 356; al-Bujayrimī (1951M/1370H), *al-Bujayrimī ḥAlā al-Khātib*, Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī, jil.3, h. 11; ḥAbd. al-Rahman al-Jazirī, *op.cit.*, jil. 2, h. 160; Muḥammad al-Syarbīnī al-Khātib (1958 M/ 1377H), *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, jil. 2, h. 7-8.
- 35 Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jil. 4, h. 273.
- 36 al-Maltawi (1973M/1393H), *Fiqh al-Muḥāmalāt ḥAlā Madhab al-Imām Mālik*, Mesir: al-Majlis al-Aḥla al-Syuḥn al-Islāmiyyah, h.73.
- 37 Ibn Humām, *op.cit.*, jil. 5, h.74.
- 38 Ahmad Hidayat Buang, *op.cit.*, h. 94.
- 39 Abū Zahrah (t.t.), *al-Milkiyyah wa-Nazariyyāt al-Aqd*, Kaherah: Dār al-Fikr al-ḥArabī, h. 225; ḥAbd al-Rahman al-Jazirī, *op.cit.*, h.12.
- 40 *Op.cit.*
- 41 *Ibid.*, h. 92.
- 42 *Ibid.*, h. 95.
- 43 al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, Damsyik: Dār al-Fikr, jil.4, Cet. 3, h. 172-179.
- 44 al-Syāfi^ḥ, *op.cit.*, jil. 7, h. 205-206, Ibn. Qudāmah, *op.cit.*, jil.4, h.278, Ibn. Humām, *op.cit.*, jil. 5, h. 186.
- 45 al-Bukhārī (1936M/1300H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 173 dan 179; Ibn Mājah, Abū ḥAbd Allah Muḥammad B. Yazid al-Qazwīnī (m. 273/886) (t.t.), *Sunan Ibn Majah*, ed. Muḥammad Fuḥad ḥAbd al-Bāqī, Kaherah, Vol. II, ḥKitāb al-Tijāratḥ, (No.2167), h. 732.
- 46 al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil. 5, h. 466-467.
- 47 al-Syāfi^ḥ, *op.cit.*, jil. 7, h. 205; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, jil.4, h. 284; Ibn Humām, *Ṣyarḥ Fath al-Qādir*, jil. 5, h. 106-108.
- 48 Syarqāwī (1351H), *Fath al-Qādir al-Khabir*, Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī, h. 191; ḥAbd al-Raḥman al-Jazirī, *op.cit.*, jil. 2, h. 406.
- 49 Muḥammad al-Syarbīnī al-Khātib, *op.cit.*, h.30; Shams al-Din as-Sarkhasī (1978), *al-Mabsūṭ*, jil. VI, cet. 3, Beirut: Dār al-Maḥrifah, h. 194; al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil. 5, h. 373.
- 50 al-Syarbīnī al-Khātib, *ibid.*
- 51 Ibn Rusyd, (1329H), *Bidāyah al-Mujtahid*, Kaherah: Maṭbaḥ al-Jamaliyyah, jil. 2, h. 324.

- 52 Ibn Qayyim al-Jawziyyah, (1968), *Flām al-Muwaqqi'īn*, Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah, jil.3, h. 8.
- 53 *Ibid.*
- 54 al-Ghamrāwī (1933M/1352H), *al-Sirāj al-Wahhāj 'Ala Matni al-Minhāj*, Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī, h. 175, al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 417.
- 55 Mahsin Hj. Mansur (1984), *Undang-undang Perdagangan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: al-Haramain, h. 37.
- 56 Muḥammad Qadri Basha (t.t.), *Qānūn Mursyid al-Hayrān ilā Ma'rifah Aḥwāl al-Insān*, Mesir, Perkara 186, h. 27.
- 57 Badrān, Badrān Abū al-ʿAynayn (Dr.) (1979), *al-Madkhal li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islamiyyah*, Baghdad: Matba'ah al-ʿAiny, cet.4, h. 257; Faizah Hj. Ismail, (1995), *Asas-asas Muamalat Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 71.
- 58 ʿAbd al-Rahman al-Jazirī, *op.cit.*, h. 159.
- 59 Muhammad Yūsuf Mūsā (1952), *al-Fiḥ al-Islām al-Madkhal li Dirāsāt Nizām al-Mu'āmalāt al-Fiḥ*, cet. 3, Mesir: Matbaah Dar al-Kitab al-ʿArabī, h. 322; Ahmad Hidayat Buang, *op. cit.*, h. 92.
- 60 Ibn Hajar al-Haytamī (t.t.), *Tuḥfah al-Muḥtāj bi Syarḥ al-Minhāj*, Beirut: Dār Ṣādir, jil. 4, h. 216.
- 61 al-Baihaqī (1352H), *al-Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dār Ṣādir; al-Bujayrīmī Sulaymān Ibn Muḥammad, *Bujayrīmī 'alā al-Khātib, al-Hasyiah al-Musammah bi Tuḥfat al-Ḥabib 'alā Syarḥ al-Khātib al-Ma'rūf*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, jil. 3, h.9.
- 62 Ahmad Hidayat Buang, *ibid.*
- 63 al-Syāfi'ī (1971), *Op.cit.*, Jil.7, h.306; al-Kasānī, *Badā'ī al-Ṣanā'ī*, Mesir: Matba'ah al-Imam, jil. 5, h.135.
- 64 al-Zuhaylī, *op.cit.*, jil.4, h.384.
- 65 Kasānī, (1328/1910), *op.cit.*, Matba'ah al-Jamāliyyah, Kaherah, jil. 5, h. 137.
- 66 *Ibid.*; al-Hattāb (1329H), *Mawāhib al-Jalīl*, Kaherah: al-Matba'ah al-Sa'ādah, jil. 4, h. 240.
- 67 al-Syarbini al-Khātib, *op.cit.*, h. 9.
- 68 al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 106-111.